

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN**  
**[ RANAU ]**

**TARIKH : 4 APRIL 2018**

**SOALAN : Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [ Ranau ] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI menyatakan: -**

- a) apa jenis tindakan yang telah di ambil ke atas individu tertentu yang mendakwa kononnya Kerajaan Malaysia enggan menyelesaikan isu tuntutan negara Filipina ke atas negeri Sabah dan sama ada Kerajaan masih membayar "Cession Money' kepada waris Sultan Sulu; dan
- b) apakah berapakah jumlahnya dan mengapa Kerajaan masih membayar "Cession Money' ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ranau di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalinan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina adalah baik dan berada di tahap yang tinggi. Kedua-dua negara sentiasa mengikrarkan komitmen untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada serta menjangkau ke arah mencari kerjasama-kerjasama baru di dalam usaha mempertingkatkan lagi keakraban ini.

3. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah berulang kali menegaskan pendiriannya bahawa Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian dari Malaysia sejak 16 September 1963.

4. Pada tahun 1962, rakyat Sabah telah melaksanakan hak menentukan sendiri (self-determination) status negeri mereka untuk berada di dalam Persekutuan Malaysia. Laporan Suruhanjaya Cobbold pada 1 Ogos 1962 kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

menyatakan bahawa lebih daripada dua pertiga rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia pada tahun 1963.

5. Pada 14 September 1963, Setiausaha Agung PBB melaporkan kepada Perhimpunan Agung PBB (UN General Assembly) bahawa rakyat negeri Sabah menyokong penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia tidak sekali-kali akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak (Filipina atau kesultanan Sulu) ke atas sebahagian atau keseluruhan negeri Sabah. Negeri Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan bukannya sebuah wilayah yang dipertikai.

7. Kerajaan Malaysia juga tidak melayan sebarang tawaran penyelesaian terhadap tuntutan ke atas Sabah dari mana-mana pihak yang mengaku sebagai waris Kesultanan Sulu.

8. Berkenaan pembayaran wang serahan (*cession money*) pula, Kerajaan telah membuat pembayaran sebanyak RM 5,300 setahun kepada peguam yang mewakili sembilan orang waris Kesultanan Sulu. Ianya merupakan komitmen terhadap keputusan kehakiman Macaskie pada tahun 1939. Dalam keputusan oleh Hakim C.F. Macaskie, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Borneo pada 18 Disember 1939, sembilan (9) individu telah diberikan hak terhadap wang serahan tersebut termasuk tiga anak saudara yang dinyatakan dalam wasiat tersebut. Walau bagaimanapun, harus ditekankan bahawa bayaran wang serahan

tersebut adalah sebagai *cession money* iaitu bayaran ehsan atau sagu hati penyerahan hak milik Sabah dan bukannya yuran pajakan atau penyewaan.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Saya ingin menegaskan kepada ahli Dewan yang mulia ini agar jangan kita menggunakan isu berkenaan sebagai agenda yang bersifat politik. Kerajaan amat prihatin dan mengambil berat berkenaan isu ini dan tidak akan berganjak dari mempertahankan kedudukan Sabah dari mana-mana pihak yang cuba mencemar kedaulatan itu.

Sekian, terima kasih.